

PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

Jawatan	:	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Gred Jawatan	:	FA5
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan	:	Sistem Maklumat (F)
Jadual Gaji	:	RM1,650.00 – RM6,620.00
Taraf Jawatan	:	Kontrak (<i>Contract of Service</i>)
Syarat Lantikan	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) kelayakan : (i) Sijil Teknologi Maklumat, Sijil Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau Sijil dalam bidang Prosesan Data yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,650.00); atau (ii) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,731.00); atau (iii) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,812.00); atau (iv) Diploma Sains Komputer, Diploma Teknologi Maklumat atau Diploma Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FA5: RM1,974.00). SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan	:	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa. Suruhanjaya berhak menentukan terma dan syarat-syarat perkhidmatan lain.
Fungsi Bidang Tugas	:	Membantu Pengurus Projek dalam: i. Menyediakan dokumentasi pembangunan sistem. ii. Melaksanakan peningkatan antaramuka sistem dan menyelenggara kesilapan atau ralat pada sistem. iii. Membantu menguruskan sebarang <i>pre-installation</i> yang diperlukan untuk pelaksanaan sistem dan pangkalan data. iv. Membantu melaksanakan <i>data cleansing</i> dan <i>data restructuring</i> bagi pangkalan data. v. Melaksanakan <i>backup</i> secara berkala pada sistem dan pangkalan data secara manual dan memastikan sistem/data tersebut boleh digunakan sekiranya berlaku sebarang masalah (<i>restore</i>). vi. Mengemaskini pengguna dan katalaluan sistem-sistem yang berkaitan. vii. Terlibat secara langsung dalam setiap pembangunan aplikasi/ peningkatan aplikasi/ penyelenggaraan aplikasi. viii. Membantu pegawai dalam pengurusan pembangunan aplikasi/peningkatan aplikasi / penyelenggaraan aplikasi. ix. Memberi khidmat nasihat kepada pasukan berkaitan aplikasi dan kesesuaian teknologi. x. Mengambil tindakan bantuan sokongan di <i>Helpdesk</i> (RFS) berkaitan aplikasi melalui <i>Helpdesk</i> ICT. xi. Membantu pegawai dalam pengurusan perolehan pembangunan/ naiktaraf/ penyelenggaraan sistem.

	xii. Melaksanakan integrasi sistem yang melibatkan agensi luar. xiii. Membangunkan sistem dalaman yang berskala kecil untuk kegunaan dalaman. xiv. Membantu dalam membuat kajian kesesuaian penggunaan aplikasi. xv. Memberi latihan kepenggunaan kepada pengguna mengenai sistem yang baru dibangunkan xvi. Menyelaras semua aktiviti berkaitan latihan kepenggunaan sistem. xvii. Bertindak sebagai penyelarar antara pengguna dan pihak pembekal berkaitan sebarang permasalahan yang timbul mengenai sistem selepas latihan kepenggunaan sebagai contoh menguruskan sebarang permohonan perubahan. - xviii. Menyediakan khidmat sokongan dan latihan kepenggunaan bagi sistem-sistem yang baru dilancarkan dan juga sistem-sistem sedia ada. xix. Menyelenggara sistem-sistem dalaman SKM/ memantau dan memastikan sistem-sistem SKM diselenggara dengan baik serta berjadual oleh pembekal. xx. Bekerjasama dari sudut kerja-kerja teknikal dengan pasukan fungsian bagi sistem SKM-FS SAGA dalam memastikan sistem beroperasi dengan baik, sistem sentiasa dalam keadaan ketersediaan (sistem dan rangkaian aplikasi) dan mematuhi piawaian SAGA. xxi. Membantu menyelaras sistem SKM-FS SAGA antara SKM dan pembekal sistem dari sudut teknikal. xxii. Membantu memberi khidmat sokongan teknikal yang melibatkan masalah sistem SKM-FS SAGA yang dilaporkan melalui <i>Helpdesk</i> (RFS). - xxiii. Membantu dalam memberikan akses <i>Team Viewer</i> kepada pihak pembekal sistem SKM-FS SAGA sekiranya perlu/ setelah mendapat pengesahan dari pegawai yang bertanggungjawab xxiv. Membantu dalam memantau dan mengesahkan instalasi, konfigurasi, <i>deployment</i> versi baru dan <i>upgrade</i> perisian/ produk berkaitan sistem SKM-FS SAGA yang dilakukan oleh pembekal dari sudut teknikal. xxv. Memastikan prestasi pangkalan data, <i>data archive</i>, perisian sistem dan perkakasan komputer berkaitan sistem SKM-FS SAGA dalam keadaan baik. xxvi. Membantu dalam memantau dan menyelaras <i>data archive</i> secara berkala dan memastikan data disimpan di dalam sistem bagi tempoh 7 tahun (atau mengikut pengesahan pemilik sistem) oleh pihak pembekal. - xxvii. Membantu melaksanakan Pelan Pemulihan Bencana bagi sistem SKM-FS SAGA meliputi operasi backup dan pengujian/ simulasi restore secara berkala (melibatkan teknikal). - xxviii. Memastikan sistem SKM-FS SAGA mempunyai jejak audit (audit trail) bagi semua aktiviti capaian. xxix. Membantu melaksanakan aktiviti <i>SAGA Compliance</i> yang melibatkan teknikal bagi pelaksanaan simulasi BCP.
--	---

Tarikh Akhir Permohonan	:	22 September 2026 (Selasa)
Cara Memohon	:	Sila kemukakan permohonan yang lengkap secara dalam talian melalui Sistem e-kerjaya Suruhanjaya Koperasi Malaysia di Portal Rasmi www.skm.gov.my

